

26/11/1999

Warga sukan diminta pilih BN

Lukman Salleh

MENTERI Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap semua keluarga sukan akan terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum Isnin ini untuk meneruskan kecemerlangan dan kemasyhuran sukan tanah air.

Menurut Muhyiddin, kerajaan Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyediakan prasarana sukan terancang serta sumber kewangan yang cukup besar untuk persatuan sukan serta melahirkan atlit bertaraf dunia.

Selain itu kerajaan Barisan Nasional juga tidak mengabaikan kebajikan atlit serta persatuan dengan menyediakan pelbagai imbuhan dan ganjaran kepada atlit yang mencapai kejayaan.

"Seharusnya seluruh keluarga sukan daripada pemimpin tertinggi persatuan, atlit serta peminat memilih Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang supaya agenda sukan negara dapat diteruskan.

"Kerajaan Barisan Nasional memperjuang dan menggalakkan sepenuhnya aktiviti sukan di negara ini.

"Barisan Alternatif tidak ada. PAS (Parti Islam SeMalaysia) tidak menggalakkan, Keadilan tidak terkandung dalam manifestonya, begitu juga dengan DAP (Parti Tindakan Demokratik)," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Sememangnya kerajaan Barisan Nasional menggalakkan sukan di negara ini dan ia sudah berkembang begitu pesat dan Malaysia kini menjadi salah satu gelanggang terkemuka arena sukan dunia.

Daripada Sukan Komanwel '98 yang dianjurkan dengan begitu jayanya, hinggalah kepada perlumbaan kereta berprestij dunia Formula Satu Oktober lalu dan yang terbaru Golf Piala Dunia, Malaysia kini bertapak sebagai destinasi sukan terkemuka.

(END)